



GEREJA KRISTUS LIKAS

Mengenal dan Memperkenalkan Kristus

Bisyp: Bisyp Datuk Melter Jiki Tais

Rektor: Archdekan Moses Chin



Hubung

P.O. Box 18510, Pejabat Pos Besar Kota Kinabalu,
88670 Kota Kinabalu, Sabah

Pejabat: 088-426312, 213220 | Mudah alih: 019-6611558

<http://christchurchlikas.org/> | cclikas@gmail.com

Puasa 1 - 18 Februari 2024

Doa Hari Ini

Allah Mahakuasa, yang Anak-Mu Yesus Kristus telah berpuasa selama empat puluh hari dan empat puluh malam dan dicubai tetapi tidak berdosa; berilah kami anugerah untuk mengawal diri dan taat kepada Roh-Mu; dan di dalam kelemahan kami, Engkau menyelamatkan kami, melalui Yesus Kristus Tuhan kami. Amin.



“ kamu telah mereka-rekakan yang jahat terhadap aku,
tetapi Allah telah mereka-rekaknya untuk kebaikan”
- Kejadian 50:20

Kebaktian BM disiarkan **secara langsung, 11:30 pagi.:**

- YouTube: <https://www.youtube.com/>

[@christchurchlikas/streams](https://www.youtube.com/@christchurchlikas/streams)

Selamat datang ke dalam perkumpulan umat Tuhan.
Kita bersama-sama beribadah kepada Tuhan Yesus yang telah bangkit
dan mendorong satu sama lain untuk mentaati-Nya.

1. MUSIM PUASA

Orang Kristian telah bertahun-tahun menjalani ibadah dalam tempoh 40 hari untuk bersiap sedia memasuki Minggu Kudus dan Paskah. Semasa Puasa, penekanan adalah pada renungan, pertaubatan, dan, pembaharuan.

- Kebaktian Rabu Abu mendapat sambutan yang menggalakkan.
- 'Doa Harian Musim Puasa' - setiap hari, Isnin-Jumaat, jam 12:00 tengah hari. Ia dijalankan di gereja, dan dalam talian (hibrid); dalam BC, BI & BM (bilik doa berasingan). Dipanjangkan masa untuk berdoa. Anda juga boleh menghantar permintaan doa anda.

Semua dialu-alukan; termasuk rakan-rakan kita. Khamis dan Jumaat lepas, sekitar 40-50 orang menyertainya.

Zoom Meeting ID: [846 5515 2727](#) Passcode: 0224

- Luangkan lebih banyak masa untuk berdoa dan membaca Alkitab. Pilih aktiviti yang akan membawa kita lebih dekat kepada Tuhan - dengar renungan, muzik dan lagu Kristian, atau baca buku Kristian. Lawati orang sakit, memerlukan dan kesepian - baca Yesaya 58, tentang puasa yang sejati.
- puasa juga merupakan tempoh yang baik untuk menghilangkan tabiat buruk atau ketagihan tertentu; dan untuk membangunkan gaya hidup sihat.
- Satu lagi aktiviti Puasa - gotong-royong. Buang yang bersepad dan kemaskan yang berantakan di rumah atau pejabat kita. Dan yang paling penting, di dalam hidup kita!!



2. KESYUKURAN TAHUN BARU CINA

Kita masih dalam mod perayaan CNY. Sampul 'Angpow Kesyukuran' ada disediakan untuk kita menzahirkan rasa syukur atas segala berkat Tuhan. Semua sumbangan ditujukan untuk 'Dana Kebajikan & Misi' kita. Bagi anda yang menggunakan perbankan dalam talian atau Boost, sila nyatakan 'Angpow' sebagai butiran.



3. KEBAKTIAN HAKKA

Bermula 3 Mac, setiap Ahad pertama setiap bulan, Kebaktian Bahasa Cina kita akan dijalankan dalam Bahasa Hakka. Namun begitu, lagu-lagu masih dinyanyikan dalam bahasa Mandarin; tetapi seboleh-bolehnya, pemakaian bahasa Hakka untuk liturgi, bacaan, khutbah, pengumuman, dll. Penghuni ARK juga akan dijemput menghadiri kebaktian.

4. 'UMAT KEPUNYAAN ALLAH SENDIRI'

Siri khutbah kita diteruskan:

- 7 Jan - Abraham: bapa
- 14 Jan - Ishak: Sang pengecut
- 21 Jan - *lawatan Archbisyp* - 'Kasihi Allah; kasihi sesamamu manusia'
- 28 Jan - Yakub: Sang penipu
- 4 Feb - Yusuf: Sang pemimpi
- 11 Feb - Yusuf: Sang banduan
- **18 Feb, hari ini - Yusuf: Sang penyelamat**



Carilah masa untuk membaca kitab Kejadian, terutamanya di fasal 12-50. Ia adalah suatu cerita yang berkelanjutan. Kiranya kita mendengarkan suara Tuhan.

5. INFORMASI BERITA DIOSIS

- 19-21 Feb, bermula esok - Retret pemimpin muda-mudi BC & BI, Kokol. 9 pemimpin muda-mudi dari gereja kita akan menyertainya.
- 26 Feb - Kebaktian Pentahbisan, Katedral All Saints. Dengan izin Tuhan, Rev. StJohn Perry, dari antara yang lain, akan menjadi Paderi. Si Quis penuh daripada 23 calon dipaparkan di papan kenyataan.
- 27-29 Feb - Retret dan Konferensi Paderi & Pastor, KK.
- 4-7 Mac - Konferensi Kanak-Kanak BC & BI, Christ Church Likas. Menyasarkan penyertaan 500 kanak-kanak. Daftar sekarang. Terbuka kepada semua anak-anak kita, dan rakan-rakan mereka. Terdapat bayaran yang dikenakan.

Sehingga kini, hampir 400 kanak-kanak telah mendaftar; 80 daripadanya adalah dari gereja kita. Berdoalah untuk pekerjaan Roh Kudus yang hebat.

Dalam pada itu, kami memerlukan ramai pelayan secara sukarela untuk membantu menjalankan acara tersebut. Jika anda boleh membantu, sila hubungi aunty Fen Fen, Lisa, atau pejabat gereja.

- 10-12 April - Konferensi Doa BM, Gereja St. Patrick, Tawau. Tema: Impak Penderobosan. Penceramah: Bishop Melter Tais, dan yang lain. Daftarlah sekarang.

6. MESYUARAT AGUNG TAHUNAN - notis awal.

24 Mac, Minggu Palma - AGM kita. Sila buat rancangan untuk menghadiri perhimpunan keluarga tahunan kita. Walaupun tahun ini kita tidak perlu mengundi untuk pemilihan PCC baharu, daftar pemilih masih akan dipaparkan, untuk kemas kini. Bagi ketua pelayanan yang akan menulis laporan, sila mulakan proses berbuat demikian.

7. JAWATAN KOSONG di ARK - peluang berkhidmat.

3 kekosongan jawatan pembantu penjaga (perempuan). Sila hubungi Jacqui Chia (016-818 9013).

UNTUK PEMBERIAN DALAM TALIAN

RHB Bank | 2-10103-0001913-1

Christ Church Likas

Boost: <https://myboost.app.link/FPvG94VIT4>



NOTA KHUTBAH

Judul: Yusuf – sang penyelamat

Petikan: Kejadian 50:14-22

Pengenalan:

- Janji Tuhan untuk membentuk semula, melalui Abraham dan keluarganya: Kej 12:1-3
 - Keluarga apakah ini? Adakah mereka bersedia untuk dipakai oleh Tuhan?
1. **Keluarga Yakub** - Kejadian 37-50
 - i. Pilih kasih, kebanggaan, kebencian
 - ii. pengasingan - daripada bapa, keluarga, tanah. Keluarga yang berantakan. Keluarga yang memerlukan penyembuhan sebelum Tuhan boleh memakainya.
 2. **Keluarga Allah** - Kejadian 37-50
 - i. Tuhan memelihara keluarga Yakub.
 - ii. pendamaian - dengan bapa & keluarga. 'Penyelamat' untuk ramai orang.
 - iii. "kamu telah mereka-rekakan yang jahat terhadap aku, tetapi Allah telah mereka-rekakannya untuk kebaikan".

Penutup:

Allah Maha Mengetahui, Maha Kuasa, dan Maha Kasih.

Pandanglah salib - Kisah Para Rasul 2:23, 36.

UNTUK DIDOAKAN

Dunia kita yang tercinta

- berdoa untuk Indonesia: agar pemimpin yang sesuai akan dibangkitkan untuk berkhidmat bagi negara
[agar kepimpinan baru akan membawa pertumbuhan Injil yang lebih besar]

Masyarakat kita yang tercinta

- berdoa untuk kesediaan dalam mengalu-alukan kehadiran pelancong dan pelawat ke KK
[agar kita belajar untuk berkongsi kasih Tuhan dengan semua orang]

Diri sendiri

- berdoa untuk musim Puasa yang bermakna dan membuah hasil
[supaya kita bertumbuh dalam mengasihi Tuhan dan sesama kita]

- berdoa untuk mereka yang dalam kelemahan tubuh, minda atau rohani; dan untuk 5 sahabat kita. Namakan mereka dalam doa anda.